

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, August 14, 2019 3:10 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: P2A Summer Party Dekatkan Pelajar Dengan Budaya Negara Thailand



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia


14 OGOS 2019 / 13 ZULHIJAH 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Amirullah Ikrami Akbar Jahan
Gambar oleh: PPA CAS

P2A SUMMER PARTY DEKATKAN PELAJAR DENGAN BUDAYA NEGARA THAILAND



UUM ONLINE: Dua pelajar UUM berpeluang menimba pengalaman baharu mendalami kebudayaan negara Thailand apabila menyertai program P2A Day Summer Party di Rangsit University, Thailand, baru-baru ini.

Pelajar tahun tiga, Nurfatin Najihah Omar dari Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar Dan Kerja Sosial (SAPSP) dan pelajar tahun dua, Nurul Syakirin Abdul Rashid dari Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) telah mengikuti program yang dianjurkan selama lima hari bermula 6 Ogos lalu itu menerusi Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni Kolej Sastera dan Sains (PPA CAS).

Program anjuran Passage To Asean Association dengan kerjasama Universiti Rangsit itu melibatkan beberapa buah negara ASEAN yang lain seperti Indonesia, Myanmar dan Vietnam.

Dekan PPA CAS, Dr. Bahtiar Mohamad berkata, P2A Summer Party menfokuskan kepada kebudayaan Thailand yang mana antara pengisian program itu ialah kembara Bangkok, permainan tradisional, makanan, seni kraf dan perkhidmatan komuniti di negara tersebut.

Secara amnya, menurutnya, program ini adalah bagi mendekatkan pelajar ASEAN untuk mengenali lebih mendalam tentang Negara Gajah Putih yang sebelum ini lebih dikenali sebagai 'tanah bebas' atau '*land of the free*' dan cukup sinonim sebagai syurga makanan.

Nurfatin Najihah berkata, sepanjang program berlangsung dia bersama peserta lain didedahkan dengan informasi tentang isu semasa di Thailand dan keunikan Rangsit University menerusi video pendek.

"Kemudian, pada sesi *Campus Tour*, peserta dibawa mengelilingi universiti tersebut diikuti kelas masakan Thai yang mana pelajar diberi peluang menyediakan makanan popular negara ini iaitu Pad Thai.

"Hari kedua, semua peserta dari empat negara ASEAN ini berkongsi keunikan budaya dan tradisi melalui pameran dan pertunjukan masing-masing," katanya.

P2A Day Summer Party melibatkan 37 pelajar Universitas Binus, Universitas Nahdlatul Sidoarjo dan University of Jenderal Soedirman dari Indonesia; 22 pelajar dari University of Yangon dan STI Myanmar University serta 10 pelajar dari University of Economic and Law, Vietnam.

Antara aktiviti yang dianjurkan oleh peserta ialah persembahan tarian dan nyanyian tradisional, pameran, masakan tradisional dan pertandingan pakaian tradisional mengikut negara masing-masing.

Sementara itu, Nurul Syakirin berkata, pengalaman menyertai P2A Day Summer Party sangat menyeronokkan kerana dia berpeluang mengenali budaya baharu dari hasil penyertaan pelajar negara lain.

Menurutnya, mereka juga belajar mengasah bakat interpersonal dengan berkomunikasi sesama sendiri menggunakan Bahasa Inggeris, di samping dapat berkenalan dan bertukar tukar pendapat tentang isu semasa.

Katanya, pada program itu juga, mereka mengikuti aktiviti luar kampus antaranya lawatan bersejarah di Wat Phra Si Sanphet, Wat Mahathat dan Ban Khao Nom.

"Lawatan bersejarah ini merupakan satu peluang yang sangat bermakna kerana ia memberikan informasi mengenai sejarah pemerintahan dan nilai keagamaan Thailand pada ratusan tahun lalu yang masih kekal dan utuh sehingga ke hari ini.

"Selain itu, peserta juga berpeluang mendekati seni kebudayaan Thailand dengan pendedahan canting batik, malah kami diberi kesempatan untuk mendalami dan melakukan sendiri pembuatan kraf Thailand tersebut," katanya.

Hari terakhir diisi dengan program khidmat masyarakat bersama pelajar di Pathum Thani. Aktiviti pengajaran yang telah dijalankan oleh peserta P2A ialah mengajar Bahasa Inggeris dan bahasa pertuturan asas negara ASEAN lain seperti 'Selamat datang' dan 'Terima kasih'.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.